

Muip sumbang RM100,000 bina Akademi Hadis

Ulasan
4/9/2019

KUANTAN 3 Sept. - Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang (Muip) memperuntukkan sebanyak RM100,000 untuk pembinaan Akademi Hadis di Kolej Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah (KUIPSAS).

Pemangku Raja Pahang, Tengku Hassanal Ibrahim Alam Shah Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah yang juga Canselor KUIPSAS berkenan menerima sumbangan itu daripada Timbalan Yang Dipertua Muip, Datuk Seri Abdul Wahid Wan Hassan.

Majlis berlangsung selepas Istiadat Pemasyhuran Canselor dan Konvokesyen Ke-18

KUIPSAS di Dewan Jubli Perak Sultan Haji Ahmad Shah di sini hari ini.

Pembinaan Akademi Hadis itu bertujuan mengumpul dan dokumentasi manuskrip hadis serta menyediakan prasarana dan kemudahan bagi pencarian.

Selain itu, akademi tersebut juga bagi memudahkan perbincangan yang mana penghasilan hadis berdasarkan isu-isu kontemporari merupakan amanat dan hasrat Canselor KUIPSAS pertama, Almarhum Paduka Ayahanda Sultan Ahmad Shah Al-Musta'in Billah ibni Al-Marhum Sultan Abu Bakar Ri'ayatuddin Al-Muadzam Shah semasa hayat baginda.



TENGGU HASSANAL IBRAHIM ALAM SHAH menyampaikan replika cek kepada Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Seri Dr. Sallehuddin Ishak di Dewan Jubli Perak Sultan Haji Ahmad Shah, Kuantan, Pahang, semalam.